

# Pendaki UMP tawan Gunung Kinabalu

Oleh ZAMZURINA AHMAD

utusanktn@gmail.com

■ KUANTAN 17 JAN.

**S**ERAMAI 22 pendaki dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu dalam Misi Pendakian Gunung Kinabalu 2017 anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP pada 10 hingga 14 Januari lalu.

Pendakian kali kedua ini membabitkan 13 mahasiswa, empat staf dan lima alumni UMP.

Ketua Pendaki, Dr. Wan Mohd. Hafizzuddin Wan Yusuf bersyukur kerana semua peserta berjaya sampai ke puncak dan terharu dengan semangat berpasukan serta setia kawan yang ditunjukkan.

"Pendakian bermula dari Timpohon Gate melalui Laban Rata dan selamat tiba di Low's

UTUSAN MALAYSIA (18 JAN 2017) ALAM AKADEMIK m/s 28

Peak pada pukul 5 pagi. Pelbagai cabaran yang kami tempuh sepanjang pendakian antaranya cuaca yang panas dan angin yang kuat.

"Malah, ada antara kami mengalami kecederaan termasuk masalah Acute Mountain Sickness (AMS). Walaupun begitu, semua halangan ini tidak melunturkan semangat mereka untuk sampai ke puncak dengan selamatnya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, bagi Muhammad Faizzudin Mohd. Amin, 25, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), dia melahirkan perasaan berbangga dengar kegigihan dan semangat setia kawan setiap pendaki baik pelajar maupun staf semasa berdepan dengan rintangan sewaktu mendaki Gunung Kinabalu.

"Semangat berpasukan itulah kunci kejayaan kami menakluk puncak Gunung Kina-

balu," jelasnya.

Mohd. Nujaime Abu Bakar yang merupakan bekas pelajar FKKSA yang kini berkhidmat di Technip Geoproduction Malaysia Sdn. Bhd. berpendapat pengalaman yang diperolehi banyak mengajar dirinya serta peserta bahawa kejayaan pasti hadir atas dasar kesepakatan.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daud Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan semangat yang dizahirkan warga UMP dan alumni bagi merealisasikan misi pendakian kali ini.

"Saya berbangga dengan pencapaian mereka yang berjaya mengibarkan bendera UMP di puncak Gunung Kinabalu yang merupakan gunung tertinggi di Asia Tenggara," ujarnya.

**WAN MOHD HAFIZZUDDIN WAN YUSUF (kiri)** bersama pendaki dari UMP berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu sambil mengibarkan bendera UMP sempena 15 tahun penubuhan universiti tersebut baru-baru ini.

